


Siasatan ADUN Pengkalan Rinting selesai

um-15/7/06

JOHOR BAHRU 14 Julai - Polis Johor selesai menjalankan siasatan ke atas Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Rinting, Low Teh Hian (**gambar**) yang mengacukan pistol ke atas seorang lelaki yang mence-robah kediamannya di Kondominium Dwi Mahkota, Tampoi di sini 6 Julai lalu.



Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Datuk Abdul Rahim Jaafar berkata, pihaknya telah memanggil ketiga-tiga pihak iaitu Teh Hian, lelaki dan wanita ter- babit.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut ber- hubung siasatan tersebut kerana laporan siasatan te- lah diserahkan kepada tim- balan pendakwa raya untuk membuat keputusan.

"Laporan siasatan telah diserahkan kepada timbalan

pendakwa raya. Sekarang kita tunggu keputusan timbalan pendakwa raya," ka- tanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dalam kejadian itu, sekumpulan lelaki telah mencero- boh masuk ke kondomi- nium Teh Hian dengan menggunakan alat pemadam api yang terdapat di ba- ngunan tersebut.

Teh Hian yang juga Bendahari dan Ketua Biro Pengaduan Awam MCA Jo- hor kemudian dikatakan mengambil tin- dakan mempertahankan diri dengan me- ngacukan sepucuk pistol ke arah kumpu- lan lelaki terbabit.

Namun sumber lain memberitahu, punca kejadian kerana isteri salah seo- rang daripada lelaki yang mencero- boh itu berada di kondominium tersebut ketika itu.

Walaupun Teh Hian tidak melepaskan tembakan tetapi beliau dan kumpulan penceroboh itu menyelesaikan kekeco- han antara mereka dengan masing-ma- sing membuat laporan polis di Balai Polis Tampoi pada hari tersebut.

Ekoran kejadian itu, pada 11 Julai lalu MCA telah menggantungkan keahlian Teh Hian sebagai ahli berkuat kuasa serta-merta bagi memudahkan siasatan dijalankan oleh pihak polis.

Abdul Rahim berkata, siasatan ke atas semua pihak yang terlibat dilakukan di bawah Seksyen-seksyen 323, 448, 498 dan 506 Kanun Keseksaan.